

Soalan No: 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 26.7.2017

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) jumlah aduan yang diterima terhadap guru-guru yang merotan murid-murid sejak 2010, dan tindakan yang diambil; dan
- (b) hasil siasatan terhadap insiden di mana guru-guru di SJKC Puay Chai 2, SJKC Pei Hwa 2, sekolah di Melaka yang telah didakwa merotan murid-murid keterlaluan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah keseluruhan kes guru-guru yang merotan murid-murid yang dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2010 sehingga Jun 2017 adalah sebanyak 32 kes.
- b) KPM telah menjalankan siasatan bagi kes di SJKC Puay Chai 2 dan SJKC Pei Hwa 2. Hasil siasatan mendapati bahawa guru yang didakwa merotan murid telah mengaku atas kesalahan yang dilakukan. Tindakan tegas telah diambil di mana tindakan tatatertib

telah dilakukan oleh pihak JPN kepada guru berkenaan supaya menjadi pengajaran kepada guru-guru lain agar perkara seumpama ini tidak berulang lagi.

Bagi kes di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Alor Gajah, Melaka, pihak polis telah mengambil kenyataan daripada Guru Besar pada 04 Julai 2017, kes masih lagi dalam siasatan pihak polis.